

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan.*

1. (a) Nyatakan andaian, prinsip dan batasan perakaunan bagi situasi yang diberi.
- (i) Ilhamputra Holding telah mencatatkan nilai premis pada harga belian iaitu RM250 000 walaupun harga pasaran premis bernilai RM400 000.
- (ii) Encik Shamil merekodkan pembayaran sewa rumahnya berjumlah RM800 ke dalam buku perniagaannya.

[2 markah]

- (b) Maklumat berikut diperolehi daripada sebuah perniagaan.

Kedai Komputer Emir membeli 10 buah komputer riba berjumlah RM15 000 dengan cek daripada Syarikat Asia Berhad.

Apakah akaun yang perlu didebit dan dikreditkan oleh Kedai Komputer Emir ?

[2 markah]

- (c) Maklumat berikut diperolehi daripada perniagaan Sky Trading.

	RM
Baki debit buku tunai (dikemaskini)	5 226
Deposit belum dikreditkan	1 450
Cek belum dikemukakan	2 550

Berapakah baki kredit di penyata bank ?

[2 markah]

- (d) Syarikat Indra Berhad telah menerbitkan 500 000 unit syer biasa pada harga RM2.00 sesyer kepada orang awam.

Rekodkan terbitan syer ke dalam Jurnal Am.

[2 markah]

- (e) Berikut adalah maklumat yang diperolehi daripada Kilang Coklat Star. Harga jualan ialah RM4.50 seunit.

Jumlah pengeluaran (unit)	0	10 000
Jumlah Kos (RM)	5 000	30 000

Hitung Titik Pulang Modal.

[2 markah]

2. Encik Ariff menjalankan perniagaan Pendeta Trading di Kaki Bukit, Perlis. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunannya.

Pendeta Trading		
Imbangan Duga Pada 31 Disember 2022		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal 1 Januari 2022		106 000
Perabot	15 500	
Kenderaan	75 500	
Susut nilai terkumpul kenderaan		7 550
Inventori 1 Januari 2022	7 150	
Akaun belum terima	6 750	
Bank	55 650	
Tunai	5 550	
Akaun belum bayar		4 770
Pinjaman bank		24 000
Jualan		86 640
Sewa diterima		11 000
Kadar bayaran	2 350	
Belian	55 870	
Pulangan	640	
Gaji	15 000	
	239 960	239 960

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Disember 2022 dinilai seperti berikut:

Produk	Harga Kos RM	Harga Pasaran RM
Produk A	5 550	5 050
Produk B	5 670	6 570
Produk C	3 460	4 630

- (ii) Kadar bayaran sepanjang tempoh perakaunan RM1 950.
 (iii) Sewa diterima RM12 000 setahun.
 (iv) Ambilan barang niaga untuk didermakan ke rumah anak-anak yatim RM870. Perkara ini belum direkodkan.
 (v) Susut nilai aset bukan semasa ditetapkan seperti berikut:

Aset bukan semasa	Kaedah susut nilai	Kadar
Perabot	Garis lurus	15% setahun
Kenderaan	Baki berkurangan	10% setahun

- (vi) Hutang lapuk dihapuskan sebanyak RM650.

- (vii) Peruntukan hutang ragu diwujudkan 2% atas Akaun Belum Terima.
- (viii) Pinjaman bank RM30 000 diterima pada 1 Januari dengan kadar faedah 5% setahun. Tempoh pinjaman selama 5 tahun.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. [13 *markah*]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022. [12 *markah*]

3. Maklumat berikut diambil daripada Kilang Light Coffee pada 30 Jun 2023.

	RM
Jualan barang siap	250 880
Belian bahan langsung	92 700
Pulangan bahan langsung	1 200
Mesin kilang (kos)	55 000
Gaji buruh kilang	45 800
Gaji penyelia kilang	8 600
Upah tak langsung	5 350
Duti import bahan langsung	540
Royalti	2 200
Belian alat-alat kecil	1 670
Lengkapan	36 000
Susut nilai terkumpul mesin kilang	15 500
Belanja penyelenggaraan kilang	1 380
Insurans	2 160
Angkutan masuk bahan langsung	780
Kadar bayaran	1 880
Sewa	16 000
Belanja am kilang	1 420
Alat tulis kilang	320

	1 Julai 2022	30 Jun 2023
	RM	RM
Inventori:		
Bahan langsung	42 500	55 980
Barang siap	25 800	35 900
Alat-alat kecil	1 125	800
Kerja dalam proses:		
Bahan langsung	10 650	15 200
Buruh langsung	11 880	13 450
Kos overhed	2 250	4 550

Maklumat tambahan:

- (i) Lengkapan hendaklah diagihkan antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 2:1.
- (ii) Susut nilai adalah seperti berikut:

Lengkapan	10% setahun atas kos
Mesin kilang	15% setahun mengikut kaedah baki berkurangan

- (iii) Gaji buruh kilang berjumlah RM5 000 belum dijelaskan.
- (iv) Sewa, insurans dan kadar bayaran hendaklah dibahagikan mengikut kadar 80% untuk kilang dan 20% untuk pejabat.
- (v) Insurans dibayar untuk tempoh setahun bermula pada 1 November 2022.
- (vi) Belanja am kilang belum bayar sebanyak RM460.
- (vii) Alat tulis kilang pada 30 Jun 2023 berjumlah RM135.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Alat-alat Kecil. [3 markah]
- (b) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2023. [17 markah]
- (c) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2023. [5 markah]

Bahagian B**[40 markah]***Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

4. (a) Darwis, Danny dan Dolla adalah rakan kongsi bagi Perkongsian 3D. Mereka berkongsi untung atau rugi mengikut nisbah modal. Berikut adalah Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2023.

Perkongsian 3D			
Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Mei 2023			
	RM		RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>		<u>Ekuiti Pemilik</u>	
Kenderaan	46 000	Modal Darwis	13 800
Alatan pejabat	14 740	Modal Danny	13 800
Lekapan	7 490	Modal Dolla	13 800
 <u>Aset Semasa</u>		 <u>Liabiliti Bukan Semasa</u>	
Inventori akhir	5 650	Pinjaman bank	34 500
Akaun belum terima	8 780		
Bank	3 490	<u>Liabiliti Semasa</u>	
		Akaun belum bayar	10 250
	86 150		86 150

Mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian pada 2 Jun 2023. Berikut adalah butir-butir pembubaran:

- (i) Kenderaan dan inventori direalis pada harga RM47 150.
- (ii) Alatan pejabat diambil alih oleh Darwis pada harga RM13 360 dan lekapan diambil alih oleh Danny pada harga RM6 810.
- (iii) Akaun belum terima telah menjelaskan hutang sebanyak RM8 050.
- (iv) Pinjaman bank telah dibayar sepenuhnya.
- (v) Akaun Belum Bayar telah dijelaskan sebanyak RM10 000.
- (vi) Kos realisasi ialah RM880.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Realisasi [8 markah]
- (b) Akaun Modal Pekongsi (Beruangan) [4 markah]

4. (b) Maklumat berikut adalah berkaitan dengan Syarikat Abadi pada 31 Mei 2023.

	RM
Modal	45 000
Jualan kredit	56 210
Belian kredit	22 630
Alatan pejabat	20 000
Inventori	3 060
Akaun belum terima	3 850
Insurans prabayar	2 090
Akaun belum bayar	1 860
Overdraf bank	1 020
Gaji belum bayar	720
Untung bersih	9 000

Anda dikehendaki menghitung:

- | | |
|----------------------------|------------|
| (i) Nisbah semasa | [2 markah] |
| (ii) Nisbah ujian asid | [2 markah] |
| (iii) Pulangan atas modal | [2 markah] |
| (iv) Tempoh kutipan hutang | [2 markah] |

5. Berikut adalah maklumat Penerimaan dan Pembayaran Kelab Sukan Kangar Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Bayaran masuk	2 700	Insurans	6 720
Yuran ahli	38 000	Hadiah pertandingan	3 800
Kutipan pertandingan	5 000	Perabot	17 660
		Penyelenggaraan gelanggang	14 800
		Kadar bayaran	2 520
		Sewa	6 500
		Alat tulis	560
		Akhbar dan majalah	540

Maklumat tambahan:

- (i) Baki-baki aset dan liabiliti:

	1 Januari 2022	31 Disember 2022
Perabot	6 120	?
Alatan sukan	16 800	15 600
Inventori alat tulis	240	120
Yuran ahli belum terima	3 800	4 200
Yuran ahli belum terperoleh	4 400	-
Kadar bayaran belum bayar	410	360
Bank	54 300	?

- (ii) Sewa kelab setahun ialah RM6 000.
 (iii) Insurans dibayar adalah untuk tempoh setahun mulai 1 April 2022.
 (iv) Perabot disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
 (v) Bayaran masuk dianggap sebagai pendapatan hasil.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran. [3 markah]
 (b) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. [9 markah]
 (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022. [8 markah]

6. (a) Pada 1 Mac 2023, buku perniagaan Lolla Lolly Trading menunjukkan baki-baki seperti berikut:

	RM
Tunai runcit	115
Tunai	3 120
Bank	27 000
Akaun belum terima	4 350
Lengkapan	15 000
Premis	110 000

Maklumat yang berikut adalah anggaran penerimaan dan pembayaran bagi tiga bulan berakhir 31 Mei 2023.

- (i) Jualan bulan Mac ialah RM65 000. Jualan setiap bulan dijangka meningkat sebanyak 10% dari bulan sebelumnya. 30% adalah jualan secara tunai. Tempoh kredit adalah sebulan.
- (ii) Belian bulan Mac ialah RM45 000. Belian dijangka berkurang sebanyak 20% pada bulan April dan meningkat semula 15% dari bulan sebelumnya bagi bulan Mei. Semua belian adalah belian kredit dengan tempoh kredit selama satu bulan.
- (iii) Kadar bayaran pada bulan Mac dan April ialah RM250 setiap bulan dan dijangka meningkat 10% bagi bulan Mei dari bulan sebelumnya.
- (iv) Lolla Lolly Trading menggajikan 3 orang pekerja. Gaji bulanan untuk setiap pekerja ialah RM1000. Pada bulan Mei seorang pekerjaanya diberi kenaikan gaji sebanyak 25%.
- (v) Pada bulan Mac, perniagaan membeli sebuah komputer dengan harga RM4 000. Pendahuluan sebanyak 15% dibayar pada bulan tersebut manakala bakinya dibayar secara ansuran sebanyak 4 kali mulai bulan Mei.
- (vi) Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 10% mengikut kaedah garis lurus.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mei 2023.

[14 markah]

6. (b) Berikut ialah aset dan liabiliti Sofea Ayra Bersaudara pada 1 Julai 2023.

	RM
Alatan Pejabat	10 000
Akaun Belum Terima	2 800
Akaun Belum Bayar	5 400
Tunai di Bank	8 540
Modal	24 790
Inventori	9 500
Gaji Belum Bayar	650

Urus niaga yang berikut berlaku sehingga 31 Julai 2023:

- (i) Belian barang niaga berjumlah RM3 800 secara kredit.
- (ii) Menjelaskan separuh daripada gaji belum bayar dengan cek.
- (iii) Menerima sekeping cek bernilai RM2 680 daripada seorang pelanggan yang menjelaskan semua hutangnya.
- (iv) Pemilik mengambil komputer bernilai RM1 250 daripada pejabat untuk kegunaan anaknya di universiti.

Anda dikehendaki melengkapkan jadual persamaan perakaunan di **Lampiran A**.

[6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

LAMPIRAN A

JADUAL PERSAMAAN PERAKAUNAN

Urusniaga	Alatan Pejabat	Akaun Belum Terima	Bank	Inventori	Akaun Belum Bayar	Gaji Belum Bayar	Modal	Untung Bersih
Baki								
i								
ii								
iii								
iv								